

## KESAN SIARAN BERITA PERDANA TV3 KEPADA PENDUDUK DI DAERAH KUALA PENYU, SABAH.

**Abdul Rashid Sallieh  
Herry Rena Binti Kim Lee**

### ABSTRAK

*Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti kesan siaran Berita Perdana TV3 kepada beberapa buah kawasan di daerah Kuala Penyu, Sabah. Kajian ini dijalankan kepada responden-responden yang telah dipilih berdasarkan beberapa mukim di daerah Kuala Penyu yang meliputi Kampung Kerukan, Kampung Kilugus, Kampung Tanjung Aru, Kampung Menumpang, Kampung Palu-Palu, Kampung Batu Empat, Pekan Menumbok dan Pekan Kuala Penyu. Ini adalah bertujuan untuk mengetahui sejauhmanakah kesan yang diterima oleh penduduk di sekitar daerah tersebut mengenai maklumat daripada siaran Berita Perdana TV3 sekaligus bagi mengenalpasti keberkesanan siaran Berita Perdana TV3 kepada masyarakat di daerah tersebut. Pada masa yang sama, kajian ini dapat menilai kebolehpercayaan maklumat yang diterima. Seramai 351 orang responden yang terdiri daripada lapan buah kawasan di daerah Kuala Penyu telah dipilih. Kajian ini juga dijalankan menggunakan kaedah kajian kuantitatif dan tinjauan dibuat dengan menggunakan borang soal selidik. Hasil kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa Siaran Berita Perdana TV3 banyak memberi kesan, ini dapat dilihat melalui pemilihan segmen siaran, pengaruh kepada tingkah laku masyarakat dan kebolehpercayaan terhadap maklumat yang diterima.*

**Kata kunci :** *Pengaruh, Siaran Berita Perdana TV3, Kebolehpercayaan, Kesan, Masyarakat Luar Bandar.*

### Pengenalan

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui kesan siaran Berita Perdana TV3 mengikut persepsi penduduk di daerah Kuala Penyu, Sabah. Kajian ini dijalankan ke atas responden-responden yang telah dipilih berdasarkan beberapa mukim di daerah Kuala Penyu yang meliputi Kampung Kerukan, Kampung Kilugus, Kampung Tanjung Aru, Kampung Menumpang, Kampung Palu-Palu, Kampung Batu Empat, Pekan Menumbok dan Pekan Kuala Penyu.

Beberapa dekad yang lalu, televisyen telah membentuk corak sosio-budaya manusia dikedanyakan negara di dunia. Hampir setiap penjurong rakyat di dunia ini menganggap bahawa, televisyen telah menjadi sebahagian perkara yang penting dalam kehidupan seharian. Sebelum ini tidak pernah ada suatu alat elektronik yang mampu menembusi rumah-rumah dan secara serentak menyampaikan mesej yang sama kepada penonton yang pelbagai, seumpamanya kanak-kanak dan orang dewasa, yang celik huruf termasuklah yang buta huruf, tidak ketinggalan bagi yang kaya dan miskin.

Penyebaran dan penyampaian maklumat melalui televisyen telah meluas, hal ini kita boleh lihat apabila tidak hanya masyarakat yang tinggal di bandar saja mampu

mendapatkan televisyen tetapi juga masyarakat yang tinggal di luar bandar. Lebih-lebih lagi dengan adanya peralatan yang canggih seperti satelit yang berupaya untuk menyampaikan sesuatu maklumat kepada seluruh dunia berserta dengan gambarnya pada satu masa yang sama.

Peranan media massa adalah sangat penting dalam menyampaikan berita-berita berfaedah kepada masyarakat. Hal ini demikian kerana, media massa merupakan suatu keperluan yang mana adalah alat untuk mendapatkan pelbagai maklumat berkaitan isu semasa, sukan, pendidikan, kesihatan, politik untuk semua semua lapisan masyarakat (Mus Chairil & Norazimah, 2011). Seperti yang kita dapat lihat pada masa kini, kerajaan atau golongan pemerintah lebih gemar menggunakan siaran berita sebagai medium untuk menyebarkan maklumat dan pengumuman kepada seluruh rakyat terutama di Malaysia.

### **Sorotan Literatur**

Kajian yang dilakukan oleh Siti Suriani Othman, Liana Mat Nayan, dan Lee Kuok Tiung, (2013), iaitu "berita adalah apabila tajuknya akan menarik penonton untuk mengetahui lebih lanjut mengenai apa yang disampaikan oleh berita tersebut", menunjukkan penyampaian sesuatu berita yang mempunyai ketepatan maklumat adalah penting agar masyarakat yang menerima maklumat yang sahih. Sama seperti yang telah dinyatakan oleh Khairie et al, (2005), "ketepatan maklumat amat penting dalam konteks untuk memastikan pembaca dapat memahami penyampaian sesuatu berita atau mesej". Berita yang dilaporkan seharusnya tidak bersifat bias atau prejudis dengan membuat pelbagai andaian dan spekulasi.

Selain itu, menurut buku yang ditulis oleh Chamil Wariya, "Nielsen Media Research Malaysia mempunyai 28 juta penduduk dan 19.3 juta orang adalah yang menonton televisyen pada tahun 2009". Ini menunjukkan bahawa televisyen memainkan peranan yang penting kepada seluruh masyarakat untuk mendapatkan maklumat, hiburan dan juga untuk mengisi masa lapang mereka. Selain itu faktor lain yang menyebabkan bilangan penonton televisyen ini meningkat adalah kerana faktor kemampuan untuk memiliki set televisyen pada ketika itu termasuklah kepada mereka yang tinggal di luar bandar.

Nielsen dalam buku *Memapar Realiti* yang ditulis oleh Chamil Wariya juga menyatakan bahawa "bilangan terbesar audien televisyen adalah sewaktu program berita iaitu pada waktu puncak antara jam 8.00 hingga 9.00 malam". Keadaan ini telah membuktikan bahawa faktor masyarakat menonton televisyen sebahagian besarnya adalah untuk mendapatkan maklumat-maklumat penting mengenai dasar-dasar kerajaan dan sifat ingin tahu mereka terhadap sesuatu maklumat yang seharusnya perlu untuk mereka ketahui.

Manakala Muhamad Irfan Bin Kamaruddin (2014), dalam kajiannya *Etika Kewartawanan dalam Penulisan Berita* pula menyatakan bahawa "pemberitaan media memang menjadi pembolehubah kepada penentu yang akan mempengaruhi apa yang dianggap penting dan dibicarakan secara umum". Ini dapat kita lihat bahawa pelaporan sesebuah berita itu mampu mempengaruhi masyarakat yang menonton, mendengar dan membacanya untuk tertarik atau tidak bersetuju tentang apa yang menjadi topik dan menjadi nilai kepada setiap pelaporan sesuatu berita tersebut.

Nurul Nadiyah Bte Che Pa (2014), dalam kajiannya pula menyatakan bahawa "penglibatan masyarakat itu dalam konteks perniagaan media hari ini telah menggalakkan organisasi media membenarkan penyertaan khalayak sebagai penyumbang dalam usahasama untuk menerbitkan berita". Beliau menyatakan sedemikian kerana sikap daripada masyarakat itu sendiri yang suka menokok tambah dalam melaporkan sesuatu berita terutama ketika menggunakan laman sosial seperti Facebook, Twitter, Whatsapp, Blog, Wechat dan sebagainya.

Teori penetapan agenda menurut, Mc Quails (2005), dalam kajian yang dijalankan oleh Sahraeisyia Binti Ramli (2014), mengatakan bahawa, penetapan agenda dalam penulisan berita merupakan suatu "Political Communication". Hal ini kerana beliau berpendapat bahawa politik dalam dan luar negara adalah antara satu faktor yang akan menarik seseorang itu untuk menonton berita. Sahraeisyia (2014) juga mengatakan bahawa "penulisan berita yang berkaitan dengan politik ini mampu untuk meningkatkan jumlah pembaca atau penonton berita tersebut kerana masyarakat pasti ingin mengetahui apa yang hendak disampaikan dalam berita tersebut dan sekaligus ingin mengetahui apa yang sedang terjadi dalam dan luar negara".

### **Penyataan Masalah**

Pernyataan masalah yang terdapat dalam kajian ini adalah, memperlihatkan sejauhmanakah penyampaian maklumat dalam siaran Berita Perdana TV3 memberikan kesan kepada penduduk di daerah Kuala Penyu. Hal ini kerana, tidak banyak kajian lepas yang mengkaji mengenai kesan siaran berita perdana terutamanya TV3 dengan lebih khusus terutamanya bagi di luar bandar. Apabila kesan siaran Berita Perdana TV3 ini dikaitkan dengan penduduk di daerah Kuala Penyu secara khusus tidak dikaji dengan lebih mendalam maka ianya akan mendorong kepada andaian ataupun persepsi semata-mata sahaja. Oleh itu, kajian terhadap kesan siaran Berita Perdana TV3 perlu dikaji dengan lebih terperinci kerana ianya dapat memperlihatkan banyak aspek yang lebih jelas dan khusus.

Kajian ini turut dikaitkan dengan teori penetapan agenda yang mana teori ini memperlihatkan siaran berita merupakan sesuatu yang sangat penting yang perlu diberitahu kepada semua lapisan masyarakat. Maka dalam penetapan agenda ini juga penonton tidak hanya mempelajari berita-berita dan hal-hal lainnya melalui media massa tapi juga mempelajari seberapa besar dan pentingnya pada sesuatu isu dan topik yang dikupas dalam siaran berita (Maxwell McCombs dan Donald Shaw, 1972). Melalui kajian ini, pengkaji akan melihat sejauhmanakah teori ini dikaitkan dengan kajian yang dijalankan.

Fokus dalam kajian ini ialah mengenalpasti kesan daripada penyampaian Berita Perdana TV3 kepada penduduk di daerah Kuala Penyu, terutamanya kepada penduduk yang menjadikan siaran berita sebagai saluran utama dalam mencari maklumat mengenai isu-isu semasa. Kajian ini turut memfokuskan kepada beberapa aspek yang boleh mempengaruhi kesan kepada siaran Berita Perdana TV3 iaitu faktor pemilihan segmen siaran, tahap keberkesanan penyampaian maklumat dan juga tahap kebolehppercayaan penduduk terhadap maklumat yang diterima.

### **Objektif Kajian**

Objektif umum kajian ini adalah:

- I. Menenalpasti kesan siaran berita yang dipaparkan dalam Berita Perdana TV3 terhadap penduduk di daerah Kuala Penyu, Sabah.

Manakala objektif khusus pula dapat dilihat beberapa aspek antaranya:

- II. Menenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan segmen siaran Berita Perdana TV3 dalam kalangan penduduk di daerah Kuala Penyu, Sabah.
- III. Melihat tahap keberkesanan penyampaian maklumat melalui siaran Berita Perdana TV3 dalam kalangan penduduk di sekitar daerah Kuala Penyu, Sabah.
- IV. Menenalpasti tahap kebolehppercayaan penduduk di daerah Kuala Penyu terhadap maklumat yang diterima daripada siaran Berita Perdana TV3.

## Metodologi

### Reka Bentuk Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan kaedah tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik. Bilangan responden yang terlibat dalam kajian ini adalah sebanyak 351 orang yang terdiri daripada penduduk di daerah Kuala Penyu, Sabah yang terdiri daripada Kampung Kerukan, Kamung Kilugus, Kampung Tanjung Aru, Kampung Menumpang, Kampung Batu Empat, Kampung Palu-Palu, Pekan Menumbuk dan juga Pekan Kuala Penyu. Pemilihan tempat kajian ini adalah kerana terletak jauh dari bandar dan juga kampung daripada beberapa mukim yang dipilih disebabkan populasi mereka yang lebih padat berbanding yang lain. Hal ini dapat membantu pengkaji untuk memperolahi dapatan kajian yang lebih kukuh.

Borang soal selidik turut diedarkan secara rawak (random) iaitu melibatkan mereka yang berumur 18 tahun keatas. Borang soal selidik yang diedarkan hanya melibatkan soalan yang tertutup sahaja, ini bertujuan agar dapat memudahkan responden menjawab dan memberi jawapan mengikut skala likert yang telah disediakan. Soal selidik tersebut juga adalah melibatkan demografi responden supaya pengkaji dapat mengenalpasti latar belakang dan tahap pengetahuan responden terhadap kajian yang dijalankan.

Bagi menganalisis data dan maklumat yang diperolehi hasil daripada soal selidik tersebut, pengkaji akan menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS) bagi memudahkan lagi data dan maklumat dianalisis. Melalui data SPSS juga memudahkan untuk pengkaji membuat rumusan kepada hasil daripada kajian ini.

### Populasi dan Persampelan

Daerah Kuala Penyu mempunyai penduduk seramai 22,430 orang, mengikut perangkaan tahun 2014 berikut adalah merupakan jadual saiz populasi dan sampel:

**Jadual 1.1: Menunjukkan saiz populasi beberapa buah kampung di daerah Kuala Penyu, Sabah.**

Kampung	Bilangan keluarga (orang)	Bilangan sampel (ketua keluarga/orang)
Kampung Kerukan	560	43
Kampung Kilugus	596	43
Kampung Tanjung Aru	387	43
Kampung Menumpang	530	44
Kampung Batu Empat	394	43
Kampung Palu-palu	680	45
Pekan Menumbuk	967	45
Pekan Kuala Penyu	840	45
<b>Jumlah keseluruhan:</b>	<b>4954</b>	<b>351</b>


Persampelan merupakan aspek yang sangat penting dalam sesuatu kajian yang kita lakukan, kerana kaedah ini berkaitan dengan proses memilih sebilangan besar daripada subjek sesuatu populasi untuk dijadikan sebagai sampel dalam menjayakan sesuatu kajian yang dijalankan. Menurut Chua Yan Piaw(2006), "persampelan merupakan aspek yang penting dalam penyelidikan kerana penggunaan sampel yang tidak sesuai akan menyebabkan dapatan kajian kita tidak sah atau tahap kebolehpercayaannya rendah".

Saiz sampel biasanya akan dipengaruhi oleh jenis kajian yang dijalankan, seperti kaedah Kajian kuantitatif, ia akan memerlukan bilangan subjek yang banyak. Borg dan Gall (1975) dalam buku Kaedah Penyelidikan yang ditulis oleh Chua Yan Piaw (2006) mencadangkan bahawa "secara umum, saiz sampel yang besar diperlukan apabila keadaan seperti berikut wujud iaitu, terdapat banyak variabel dalam satu kajian". Maka oleh itu, pengkaji telah memilih seramai 351 orang responden yang terdiri daripada penduduk di sekitar daerah Kuala Penyu, yang mana merangkumi pelbagai bangsa dan agama. Jumlah resonden yang diambil seramai 351 orang kerana ia merupakan jumlah yang paling hampir

berdasarkan kepada formula yang telah dikemukakan oleh Krejcie, Robert V., Morgan dan Darlyn W, (1970) dalam bukunya yang bertajuk "Determining Sample Size for Research Activities".

Pengkaji juga telah memilih prosedur persampelan kelompok dalam kajian. Prosedur persampelan ini dirujuk daripada formula menentukan saiz sampel yang dicipta oleh Krejcie dan Morgan (1970). Hal ini kerana pengkaji melakukan kajian ke atas populasi kawasan yang sangat luas dan bilangan subjek yang banyak dalam populasi, dimana senarai subjek juga tidak diperolehi.

Pengkaji ingin melakukan kajian keatas pengaruh siaran Berita Perdana TV3 kepada seluruh penduduk yang tinggal di sekitar daerah Kuala Penyu. Daerah Kuala Penyu mempunyai tujuh buah mukim manakala pengkaji pula tidak mempunyai senarai nama penduduk yang merangkumi setiap kampung. Oleh itu saiz sampel ditentukan dengan memilih secara rawak beberapa buah kampung yang mewakili setiap mukim yang terdapat di sekitar daerah Kuala Penyu tersebut, antaranya adalah Kampung Kerukan, Kampung Kilugus, Pekan Menumbok, Kampung Tanjung Aru, Pekan Kuala Penyu, Kampung Menumpang, Kampung Palu-Palu dan Kampung Batu Empat.



**Rajah 1.1: Menunjukkan Mukim daerah Kuala Penyu, Sabah.**

Sumber: www.google.image.com

Hasil daripada jumlah penduduk di mukim yang telah dipilih oleh pengkaji iaitu sebanyak 4954 orang. Pengkaji mengambil jumlah sampel yang terdekat dengan jumlah tersebut iaitu sebanyak 351 orang responden. Setiap responden akan diberi borang soal selidik yang mempunyai beberapa soalan yang akan menilai tahap pengaruh siaran Berita Perdana TV3 kepada mereka dan sekaligus menilai tahap keberkesanan penyampaian berita. Setiap daripada penduduk kampung yang telah dipilih oleh pengkaji, akan dipilih secara rawak terutama kepada yang berumur daripada 18 tahun dan keatas. Ini akan memudahkan kajian dilakukan dan jawapan hasil daripada soalan borang soal selidik tersebut akan dinilai serta dianalisis oleh pengkaji.

### Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan alat untuk mendapatkan data daripada sampel, ia dapat menentukan jenis data yang diperolehi dan dapat menentukan jenis analisis. Menurut Chua

Yan Piaw (2006), "borang soal selidik merupakan instrument kajian yang sering digunakan dalam penyelidikan sains sosial dan direka khas untuk mengumpul data kajian". Oleh itu pengkaji memilih instrumen yang telah diguna pakai oleh pengkaji sebelum ini.

Berdasarkan kajian yang dijalankan, instrumen utama yang digunakan oleh pengkaji adalah borang soal selidik. Instrumen kajian ini digunakan kerana dapat membantu pengkaji mengambil responden yang ramai dan dapat membuat perbandingan daripada populasi atau sampel yang lebih besar. Selain itu penggunaan instrumen seperti borang soal selidik juga membolehkan pengkaji menggunakan sejumlah responden pada satu tempoh masa dan dapat menjimatkan masa dan juga perbelanjaan dalam menjalankan kajian tersebut.

Malahan, melalui pengagihan borang soal selidik ini, pengkaji berupaya memperoleh maklumat yang lebih tepat lagi kerana responden boleh bertanya soalan secara langsung kepada pengkaji jika terdapat soalan hendak dijawab tidak dapat difahami dan pada masa yang sama juga pengkaji dapat menerangkan kepada responden dengan lebih lanjut.

Kandungan instrumen kajian ataupun borang soal selidik ini pula merangkumi empat bahagian iaitu demografi, pemilihan siaran, kebolehpercayaan maklumat dan pengaruh maklumat yang disiarkan oleh Berita Perdana TV3. Setiap bahagian ini mengandungi soalan-soalan yang akan menjawab objektif kajian dengan lebih terperinci.

## **Teori**

### **Penetapan Agenda (Agenda Setting)**

Teori ini telah diperkenalkan oleh Donald Shaw dan Maxwell McCombs (1972), dimana mereka mengandaikan bahawa media massa berperanan untuk memindahkan kepentingan sesuatu isu berita kepada agenda yang umum. McCombs juga menambah bahawa fenomena penetapan agenda ini disebabkan oleh masyarakat yang menganggap bahawa setiap siaran berita yang itu adalah sangat penting. Pemikiran masyarakat dipengaruhi oleh media massa yang mempunyai kuasa dengan menentukan agenda terhadap sesuatu perkara yang akan dibincangkan atau difikirkan. Selalunya, berita-berita yang kerap kali disiarkan dalam siaran berita di televisyen akan menjadi topik perbincangan masyarakat umum.

Masyarakat juga akan menganggap bahawa sesuatu berita yang disiarkan berulang-ulang kali itu adalah sesuatu berita yang penting dan perlu diketahui oleh semua masyarakat. Misalnya ketika kehilangan kapal terbang milik Malaysia pada tahun 2013 yang lalu, siaran berita mengenai kehilangan dan pencarian kapal tersebut sentiasa terpampang di kaca televisyen kerana semua masyarakat terutama keluarga penumpang dan krew pesawat tersebut sangat memerlukan berita mengenai keselamatan keluarga mereka yang terlibat dalam tragedi kehilangan pesawat tersebut.


Walter Lippmann (1992), dalam penulisannya "PUBLIC OPINION" media massa adalah perantaraan antara dunia sebenar dan gambaran pada pemikiran kita. Beliau juga menegaskan bahawa media adalah antara bahan yang akan menguasai seluruh penciptaan gambar dalam pemikiran kita, dimana kita juga percaya bahawa setiap kali kita melihat sesuatu isu yang disiarkan dalam berita kita akan dapat maklum balas daripada apa yang masyarakat akan lihat dan dengar. Ini juga jelas memperlihatkan kepada kita bahawa penetapan agenda ini sangat penting dalam menentukan tahap kepentingan siaran sesuatu berita tersebut.

Teori penetapan agenda ini juga diperkenalkan kerana, masyarakat menganggap bahawa berita yang disiarkan oleh media tersebut adalah berita yang penting dan perlu diketahui oleh masyarakat. Ini dapat kita lihat apabila Tazmahal Binti Khani (2013) mengemukakan bahawa "media menyampaikan fakta, memfokuskan terhadap sesuatu isu, menyampaikan maklumat yang patut diketahui oleh khalayak adalah merupakan penentuan agenda media massa".

Masyarakat akan menganggap bahawa sesuatu isu itu amat penting sekiranya berita tersebut sentiasa diberi perhatian oleh media massa terutamanya televisyen dan surat

khabar. Misalnya, sekiranya semua siaran berita di Televisyen memaparkan berita tentang pencerobohan di Lahad Datu, Sabah. Justeru, masyarakat akan tertumpu untuk membahaskan tentang isu tersebut di mana-mana sahaja. Hal ini kerana isu yang disiarkan itu memberi kepentingan untuk mereka ketahui sehingga keadaan menjadi reda semula. Masyarakat hanya akan lebih mengetahui tentang isu-isu yang lebih diberi perhatian oleh media dan akan memilih isu yang lebih baik mengikut kepentingan yang diberikan oleh media tersebut.

**Rajah 2.1: Model Penetapan Agenda**



memperlihatkan media memainkan peranan dalam menentukan isu atau maklumat yang akan disampaikan kepada umum. Maklumat yang disampaikan oleh media akan memberikan kesedaran ataupun impak kepada agenda publik dimana publik akan memfokuskan kepada sesuatu isu-isu yang diketengahkan. Manakala agenda publik ini akan mempengaruhi pemikiran dasar atau agenda politik. Misalnya, jika pihak politik merasakan sesuatu isu itu tidak sesuai diperlihatkan oleh media maka mereka akan mengubah sesuatu isu itu melalui media.

### **Dapatan Kajian**

Seramai 351 orang responden yang telah dipilih secara rawak dan pengkaji mendapati bahawa seramai 57% daripada 351 orang responden yang telah dipilih adalah perempuan manakala yang selebihnya adalah lelaki dengan peratusan sebanyak 43%. Secara puratanya adalah mereka yang berumur 21 hingga 30 tahun dengan peratus sebanyak 45%, diikuti oleh responden yang berumur 41 hingga 60 tahun ke atas dengan peratusan sebanyak 25.4%. Manakala responden yang berumur 31 hingga 40 tahun dan umur 18 hingga 20 tahun masing-masing mencatatkan peratusan sebanyak 19.90% dan 9.70%.

Selain itu juga, kategori etnik responden yang telah dipilih secara rawak juga telah dimonopoli oleh etnik Dusun dengan peratusan sebanyak 57.8% daripada 351 orang. Diikuti dengan etnik Bajau dengan 10.8% seterusnya etnik kumpulan lain-lain pula mempunyai catatan sebanyak 10.2%. Kumpulan etnik lain-lain ini terdiri daripada mereka yang berbangsa Murut, sino kadazan dan juga rungus. Selain itu etnik Brunei dan Bisaya juga masing-masing mempunyai catatan sebanyak 9.12% dan 8.55%. Manakala catatan peratus terendah adalah etnik yang berbangsa Cina dengan catatan hanya 3.42%. 84.3% responden yang telah dipilih secara rawak adalah mereka yang menonton siaran Berita Perdana TV3 berbanding dengan yang tidak menonton siaran Berita Perdana TV3 hanya seramai 15.7% daripada jumlah responden. Secara keseluruhannya ini menunjukkan bahawa lebih daripada separuh penduduk di daerah Kuala Penyu menonton Berita Perdana TV3. Manakala yang tidak menonton Berita Perdana TV3 berkemungkinan mereka yang tidak mempunyai televisyen di rumah.

**Jadual 2.1 Bahagian B: Analisis pemilihan untuk menonton Berita Perdana TV3.**

<b>Frekuensi Peratus</b>		
<b><i>Kekerapan Responden Menonton Berita Perdana TV3</i></b>		
Setiap Hari	144	41%
2 – 5 Kali Seminggu	49	14%
Seminggu Sekali	106	30.2%
Sebulan Sekali	44	12.5%
Tidak Pernah	8	2.3%
Jumlah	351	100%
<b><i>Faktor Pemilihan untuk Menonton Siaran Berita Perdana TV3</i></b>		
Minat dengan Progam yang di Sajikan	81	23.1%
Kurang Iklan	37	10.5%
Maklumat Lebih Banyak Terkini	128	36.5%
Pengaruh Daripada Keluarga/Rakan yang Sering Menonton Berita Tersebut.	105	29.9%
Jumlah	351	100%
<b><i>Segmen Berita yang Menjadi Tumpuan</i></b>		
Isu Semasa	176	50.1%
Politik	22	6.3%
Sukan	54	15.4%
Luar Negara	24	6.8%
Hiburan	66	18.8%
Jumlah	351	100%

Jadual diatas menjelaskan bahawa 41% daripada responden yang telah dipilih secara rawak telah menyatakan bahawa mereka menonton siaran Berita Perdana TV3 pada setiap hari, berbanding dengan 2.3% pula lagi menyatakan bahawa mereka tidak pernah menonton siaran Berita Perdana TV3. Selain itu, 14% pula menyatakan bahawa, mereka hanya menonton Berita Perdana TV3, 2 hingga 5 kali dalam seminggu. Manakala terdapat 30.2% dan 12.5% responden yang mana masing-masing menyatakan bahawa mereka hanya menonton siaran Berita Perdana TV3 pada seminggu sekali dan sebulan sekali.

Faktor pemilihan mereka untuk menonton siaran Berita Perdana TV3 adalah kerana Berita Perdana TV3 mempunyai maklumat yang lebih banyak dan terkini iaitu daripada 351 orang responden yang telah dipilih secara rawak seramai 36.5% mengatakan sedemikian. Manakala hanya 10.5% orang responden pula mengatakan bahawa faktor pemilihan mereka untuk menonton Berita Perdana TV3 adalah kerana kurang iklan. Selebihnya pula responden mengatakan faktor pemilihan mereka untuk menonton Berita Perdana TV3 adalah kerana pengaruh daripada keluarga atau rakan yang menonton berita tersebut dan minat dengan program yang disajikan iaitu masing-masing dengan catatan sebanyak 29.9% dan 23.1%. Hal ini menunjukkan bahawa penduduk di daerah Kuala Penyu Sabah menonton Berita Perdana TV3 adalah kerana ingin mendapatkan maklumat.

Selain itu, jadual diatas juga menunjukkan bahawa faktor pemilihan responden terhadap segmen berita tersebut adalah kerana segmen isu semasa tersebut mempunyai maklumat liputan yang lebih banyak. Ini telah dijelaskan dalam



jadual diatas dengan catatan yang paling tinggi diantara semua iaitu dengan jumlah sebanyak 58.1%. Manakala peratus yang terendah pula hanya 12.5% daripada 351 orang responden yang mengatakan faktor pemilihan segmen tersebut kerana mempunyai maklumat yang sah. Selain itu, 16.5% dan 12.8% mengatakan mereka memilih segmen tersebut kerana suka dengan cara penyampaian pembaca berita atau wartawan yang profesional dan ada juga yang menyatakan bahawa siaran berita tersebut mempunyai kaitan dengan bidang tugas serta kerjaya responden itu sendiri

**Jadual 2.2 Bahagian C : Analisis Pengaruh Maklumat yang Disiarkan.**

	Frekuensi	Peratus
<b><i>Berita Perdana TV3 Menyemai Sifat Ingin Tahu Responden.</i></b>		
Ya	232	66.1%
Tidak	119	33.9%
Jumlah	351	100%
<b><i>Berita Perdana TV3 Memberikan Kesan Positif dalam Diri Responden.</i></b>		
Ya	198	56.4%
Tidak	153	43.6%
Jumlah	351	100%
<b><i>Berita Perdana TV3 Membuat Responden Peka Terhadap Isu-Isu yang Sering Berlaku Didalam Mahupun Luar Negara.</i></b>		
Ya	255	72.6%
Tidak	96	27.4%
Jumlah	351	100%
<b><i>Berita Perdana TV3 Mampu Memberi Kesedaran Kepada Responden.</i></b>		
Ya	255	72.6%
Tidak	96	27.4%
Jumlah	351	100%

Jadual diatas menunjukkan peratusan bagi jawapan responden mengenai kesan siaran Berita Perdana TV3 kepada aspek sifat ingin tahu, memberi kesan positif, peka terhadap isu-isu yang sering berlaku di dalam dan luar negara serta mampu memberi kesedaran kepada responden. Berdasarkan jadual dapat kita lihat bahawa siaran Berita Perdana TV3 mampu mempengaruhi penduduk yang tinggal di sekitar daerah Kuala penyu.

Pernyataan tersebut dibuktikan dengan jadual yang telah disediakan diatas. Seramai 66.1% daripada responden tersebut menyatakan bahawa siaran Berita Perdana TV3 dapat menyemai sifat ingin tahu responden terhadap sesuatu isu yang disiarkan. Dapat kita lihat manakala baki dari jumlah tersebut pula menjawab pengaruh siaran Berita Perdana TV3 tidak dapat mempengaruhi responden untuk menyemai sifat ingin tahu mereka iaitu dengan jumlah sebanyak 33.9% orang responden yang menjawab tidak ke atas soalan yang diberikan tersebut.

Pengkaji juga mendapati bahawa siaran Berita Perdana TV3 mempengaruhi penduduk yang tinggal di daerah Kuala Penyu Sabah. Ini dibuktikan dengan dapatan kajian yang mendapati bahawa siaran Berita Perdana memberikan kesan yang positif dalam diri responden iaitu dengan catatan sebanyak 56.1% berbanding dengan mereka yang menjawab tidak hanya seramai 43.9% daripada jumlah responden tersebut. Keadaan

tersebut juga telah mendorong responden untuk peka terhadap isu-isu yang sedang berlaku di dalam mahupun diluar negara. Dapat kita lihat apabila separuh daripada jumlah responden tersebut iaitu 72.60% menyatakan bahawa mereka peka terhadap isu-isu yang sering berlaku didalam mahupun diluar negara. Manakala 27.40% lagi menyatakan keberkesanan Berita Perdana TV3 tidak mendorong mereka untuk peka terhadap isu-isu yang sedang berlaku disekeliling mereka. Berdasarkan teori yang digunakan, ianya dapat dikaitkan dengan agenda media dan umum apabila dapatan kajian yang menunjukkan responden akan sedar ataupun fokus kepada sesuatu isu-isu apabila siaran Berita Perdana TV3 sering memaparkan sesuatu maklumat atau isu tersebut.

Siaran Berita Perdana TV3 juga mampu memberi kesedaran kepada responden dan juga masyarakat di daerah Kuala Penyu. Berdasarkan peratus yang dapat kita lihat menunjukkan bahawa Berita Perdana TV3 mampu memberi kesedaran kepada responden dan masyarakat sekitar daerah Kuala Penyu. Hal ini demikian kerana isu-isu yang disiarkan pada Berita Perdana TV3 sedikit sebanyak menyiarkan isu yang berkaitan dengan kemasyarakatan maka pasti dapat menarik perhatian masyarakat sekitar agar lebih peka terhadap masalah yang dihadapi oleh penduduk setempat terutama kepada pihak tertinggi di kawasan tersebut. Ini dapat kita lihat apabila 72.60% responden mengatakan sedemikian. Manakala selebihnya lagi mengatakan bahawa siaran Berita Perdana TV3 tidak mampu memberi kesedaran kepada responden dan masyarakat sekitarnya. Dapatan kajian yang menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap siaran Berita Perdana TV3 merujuk kepada keinginan untuk menonton ataupun mengetahui tentang isu-isu kemasyarakatan yang disiarkan.

**Jadual 2.3 Bahagian D: Kebolehpercayaan Siaran Berita Perdana TV3**

	Frekuensi	Peratus
<b><i>Kebolehpercayaan Siaran Berita yang Disiarkan oleh Berita Perdana TV3.</i></b>		
Sangat Setuju	49	14%
Setuju	120	34.2%
Tidak Pasti	106	30.2%
Tidak Setuju	42	12%
Sangat Tidak setuju	34	9.7%
Jumlah	351	100%
<b><i>Berita Perdana TV3 Mempengaruhi Pemikiran Responden.</i></b>		
Sangat Setuju	29	8.3%
Setuju	123	35%
Tidak Pasti	112	31.9%
Tidak Setuju	61	17.4%
Sangat Tidak Setuju	26	7.4%
Jumlah	351	100%
<b><i>Berita Perdana TV3 Merupakan Medium Maklumat Utama Resonden.</i></b>		
Sangat Setuju	36	10.3%
Setuju	134	38.2%
Tidak Pasti	78	22.2%
Tidak Setuju	59	16.8%
Sangat Tidak Setuju	44	12.5%
Jumlah	351	100%

Jadual diatas melihat tahap kebolehpercayaan responden yang menonton siaran Berita Perdana TV3. seramai 34.2% daripada 351 orang responden mengatakan bahawa mereka bersetuju dengan kebolehpercayaan maklumat yang disiarkan oleh Berita Perdana TV3, berbanding dengan hanya 9.70% daripada jumlah responden mengatakan bahawa mereka sangat tidak setuju. Manakala 30.20% lagi responden mengatakan bahawa mereka tidak pasti dengan kebolehpercayaan maklumat yang disiarkan oleh Berita Perdana TV3 dan yang selebihnya pula iaitu 14% dan 12% pula lagi adalah sangat setuju dan tidak setuju. Berdasarkan dapatan kajian, walaupun majoriti responden setuju bahawa kebolehpercayaan maklumat siaran Berita Perdana TV3 adalah tinggi namun rata-rata responden juga memberikan jawapan tidak pasti yang menunjukkan mereka agak tidak jelas dengan kebolehpercayaan maklumat siaran Berita Perdana TV3.

Seterusnya jadual diatas juga menunjukkan peratusan Berita Perdana TV3 yang mempengaruhi pemikiran dan tindakan responden. Disini kita dapat lihat bahawa 35% responden mengatakan bahawa Berita Perdana TV3 juga mempengaruhi pemikiran dan tindakan responden. Manakala 7.4% lagi mengatakan mereka sangat tidak bersetuju bahawa Berita Perdana TV3 mempengaruhi pemikiran dan tindakan responden. Selain itu, 31.9% mengatakan mereka tidak pasti sama ada siaran Berita Perdana TV3 mempengaruhi pemikiran dan tindakan responden, seterusnya 17.4% lagi mengatakan mereka tidak bersetuju bahawa Berita Perdana TV3 mempengaruhi pemikiran dan tindakan seharian mereka. Baki dari jumlah tersebut pula iaitu 8.30% responden sangat bersetuju mengatakan Berita Perdana sangat mempengaruhi pemikiran dan tindakan responden seharian. Hasil kajian ini turut menunjukkan bahawa walaupun majoriti responden sangat dipengaruhi dari aspek pemikiran dan tindakan namun ramai juga responden yang mengatakan tidak pasti disebabkan ketidak jelasan mengenai kesan yang mereka terima daripada siaran Berita Perdana TV3.

Responden yang dipilih secara rawak juga bersetuju bahawa siaran Berita Perdana TV3 merupakan medium maklumat utama mereka. Dapatan kajian menunjukkan peratusan bagi jawapan persepsi responden mengenai Berita Perdana TV3 merupakan medium maklumat utama responden. Ini dibuktikan dengan dapatan kajian yang menunjukkan sebanyak 38.2% daripada jumlah responden menyatakan bahawa mereka bersetuju dengan kenyataan tersebut. Manakala 12.5% pula menyatakan bahawa mereka tidak bersetuju bahawa siaran Berita Perdana TV3 adalah medium maklumat yang utama untuk mereka. Seterusnya, peratusan yang paling rendah adalah responden yang menjawab sangat setuju dengan hanya 10.30% diikuti dengan kedua tertinggi iaitu mereka yang menjawab tidak pasti dengan catatan peratusan sebanyak 22.20% dan akhir sekali adalah tidak setuju dengan catatan peratusan sebanyak 16.80%. Oleh itu kajian ini telah membuktikan kepada kita bahawa siaran Berita Perdana TV3 merupakan medium maklumat yang utama bagi penduduk yang tinggal di daerah Kuala Penyu. Disamping itu, dapatan kajian ini turut dapat dikaitkan dengan teori yang digunakan oleh pengkaji iaitu teori penetapan agenda, dimana siaran Berita Perdana TV3 sebagai media menyiarkan maklumat atau isu-isu yang dapat menarik khalayak dalam menjadikan TV3 sebagai medium maklumat utama.

### **Perbincangan**

Berdasarkan analisis dan dapatan kajian, objektif umum iaitu mengenalpasti kesan siaran berita yang dipaparkan dalam Berita Perdana TV3 terhadap penduduk di daerah Kuala Penyu, Sabah berjaya dicapai iaitu siaran Berita Perdana TV3 banyak memberi kesan yang positif dari aspek pemilihan segmen siaran, pengaruh kepada tingkah laku masyarakat dan kebolehpercayaan terhadap maklumat yang diterima. Hal ini menunjukkan bahawa berita adalah sebagai satu maklumat penting untuk penonton mengetahui isu-isu yang sedang berlaku di dalam mahupun di luar negara. Hal ini adalah sama seperti yang telah dinyatakan

oleh Haji Mustapha bin Harun bahawa "tujuan utama mengadakan siaran TV Sabah ialah untuk menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum di negeri Sabah", katanya ketika merasmikan stesen TV di Kota Kinabalu, Sabah (R.Karthigsu, 1992). Dapatan kajian dari analisis bab empat ini telah jelas membuktikan bahawa siaran Berita Perdana TV3 telah memberi kesan yang positif kepada masyarakat di daerah Kuala Penyu, Sabah terutama sekali dari aspek tingkah laku seharian mereka yang lebih peka terhadap apa yang berlaku di sekeliling mereka, sebagai contohnya semasa kejadian gegaran yang terjadi di Ranau Sabah penduduk lebih gemar menonton berita kerana ingin mengetahui perkembangan daripada kejadian tersebut.

Objektif khusus pertama iaitu mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan segmen siaran Berita Perdana TV3 dalam kalangan penduduk di daerah Kuala Penyu, Sabah juga dicapai apabila dapatan kajian menunjukkan majoriti responden memilih siaran Berita Perdana TV3 disebabkan maklumat yang lebih banyak dan terkini boleh diperolehi. Tambahan itu, disebabkan daerah Kuala Penyu terletak di luar bandar, ianya mempengaruhi masyarakat menjadikan siaran Berita Perdana TV3 sebagai medium utama maklumat mereka. Seperti yang dikatakan Chamil Wariya, 2010 dalam buku yang ditulisnya bahawa "program berita dan program-program ehwal semasa televisyen yang lain masih lagi merupakan sumber utama maklumat kepada rakyat di negara ini". Selain itu, pada kebiasaannya program Berita Perdana biasanya diisi dengan berita-berita yang dinilai terpenting berlaku pada hari itu. Perkara ini dapat dikaitkan dengan teori penetapan agenda dimana agenda media terhadap penyiaran ataupun pemaparan isu-isu penting siaran Berita Perdana TV3 sehingga mempengaruhi kepada agenda publik ataupun umum. Maka dapat kita lihat bahawa peranan berita adalah memberi maklumat mengenai isu-isu semasa kepada masyarakat terutama masyarakat yang tinggal di daerah Kuala Penyu Sabah.

Objektif khusus kedua iaitu melihat tahap keberkesanan penyampaian maklumat melalui siaran berita Perdana TV3 dalam kalangan penduduk di sekitar daerah Kuala Penyu, Sabah turut dicapai iaitu dapatan kajian menunjukkan majoriti responden mempunyai sifat ingin tahu, memberikan kesan positif dan peka terhadap isu-isu yang disiarkan samada dalam negara dan juga luar negara. Hal ini bermakna maklumat yang disampaikan memberikan impak sehingga mempengaruhi tingkah laku responden. Berdasarkan teori penetapan agenda, agenda media dapat dikaitkan dengan maklumat yang disampaikan memberik impak kepada publik, misalnya memaparkan isu-isu atau maklumat yang terkini akan mempengaruhi publik dalam membincangkan atau fokus untuk mengikuti sesuatu siaran tersebut.

Akhir sekali, objektif ketiga iaitu mengenalpasti tahap kebolehpercayaan penduduk di daerah Kuala Penyu terhadap maklumat yang diterima daripada siaran Berita Perdana TV3 juga dicapai melalui dapatan kajian yang menunjukkan majoriti responden mempercayai maklumat yang disiarkan, mempengaruhi pemikiran dan juga menjadikan siaran Berita Perdana TV3 sebagai medium maklumat utama. Selain itu etika kewartawanan yang diikuti dan penyampaian berita yang disertakan lokasi kejadian oleh wartawan juga telah menambah kebolehpercayaan terhadap berita yang disiarkan. Ini kerana, setiap wartawan yang melaporkan dan menulis sesuatu isu berita mereka sebenarnya sudah mengumpul maklumat mengenai isu tersebut kemudian diserahkan ke dalam bilik berita untuk diperbaiki dan disiarkan. Seperti yang telah dinyatakan oleh Chamil Wariya (2012) dalam bukunya yang bertajuk Kewartawanan dan Media Era Digital Isu-isu semasa mengatakan bahawa "terdapat satu kod etika yang akan memperincikan prinsip-prinsip kewartawanan yang akan dijadikan *guiding principle* dalam tugas-tugas pengumpulan dan penerbitan maklumat untuk dijadikan sebagai hasil kewartawanan mereka".

## Kesimpulan

Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa siaran Berita Perdana TV3 banyak memberi kesan terutamanya kepada pemilihan, kebolehpercayaan dan pengaruh kepada tingkah laku masyarakat di daerah Kuala Penyu. Selain daripada itu, melalui hasil kajian ini kita juga melihat bahawa siaran Berita Perdana TV3 memberikan kesan yang positif dalam kelakuan masyarakat di mana mereka mempunyai keinginan dalam memperolehi maklumat ataupun kesedaran untuk peka terhadap perkara yang berlaku disekeliling mereka. Ini bersesuaian dengan teori yang dikaitkan iaitu teori penetapan agenda dimana agenda media memainkan peranan penting ataupun mempengaruhi dalam menentukan agenda publik terhadap sesuatu maklumat yang disiarkan. Oleh itu, kajian akan datang mengenai kajian ini perlu dilakukan dengan lebih mendalam, bukan sahaja dari kesan tetapi juga kepada kepentingan siaran Berita Perdana TV 3 ini terutamanya kepada masyarakat luar bandar. Melalui kajian yang akan datang, pelbagai ilmu atau manfaat akan diperolehi dengan lebih banyak.

## Rujukan

### Latihan Ilmiah

- Nurul Nadiah Binti Che Pa. (2014). *Tahap Kredibiliti dalam Siaran Berita Perdana Buletin Utama TV3 dan Berita Nasional RTM (TV1) Mengikut Persepsi Pelajar*. Sabah: Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan. Universiti Malaysia Sabah .
- Tazmahal Binti Khani. (2013). *Persepsi Mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (UMS) Terhadap Pengaruh Media Massa Mengenai Isu Pencerobohan Lahad Datu Sabah*. Universiti Malaysia Sabah.

### Jurnal

- Chua Yan Piaw. (2006). Determining Uses and Gratifications for the Internet. *Decision Sciences*, Vol.35, pp.259-288.
- Mus Chairil Samani Jamilah Maliki dan Norazimah Abd Rashid. (2011). Literasi Media: Kearah Malahirkan Pengguna Media Berpengetahuan. *Jurnal Pengajian Media Malaysian Journal of Media Studies* Vol 13, No 2, 2011 Pages 41-64.
- Siti Suriani Othman, Liana Mat Nayan dan Lee Kuok Tiung. (2013) . Pemilihan Berita dari Prespektif Wartawan Media Cetak di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*. Jilid 29(2) Hlm. 51-68.

### Buku

- Chamil Wariya. (2010). *Memapar Realiti Prinsip-Prinsip Utama dan Asas Kewartawanan Siaran*. Malaysian Press Institute, Kuala Lumpur.
- Chamil Wariya. (2012). *Kewartawanan dan Media Era Digital Isu-Isu Semasa*. SPC (Printing (Malaysia) Sdn. Bhd. Selangor, Malaysia.
- Krejcie dan Morgan. (1970). *Determining Sampel Saiz For Research Activities*. Education and psychological Measurement.
- McCombs, Maxwell, and Donald L., Shaw. (1972). *The Agenda Setting Function of Mass Media*. Public Opinion Quarterly, 36.2.
- R. Karthigesu. (1992). *Sejarah Perkembangan Televisyen di Malaysia (1963 – 1983)*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur.

### Laporan Agensi

Mohd. Khairie Ahmad, Mohd. Baharudin Hadza @ Othman, Suhaini Muda & Mohd

Hafidz Hussien. (2005). Kredibiliti Berita Akhbar, Televisyen, Radio dan Berita dalam Talian. Laporan Penyelidikan Geran Universiti. Sintok : Fakulti Komunikasi dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia.

**Internet**

Isu Pecerobohan Di Lahad Datu Sabah.

<https://www.youtube.com/watch?v=fND2UweOJNk> . Diakses pada 2 Jun 2016. Jam 03.36 PM.

Pengenalan Daerah Kuala Penyu.

[http://ww2.sabah.gov.my/md.kpu/index.php?option=com\\_content&view=article&id=76&Itemid=477](http://ww2.sabah.gov.my/md.kpu/index.php?option=com_content&view=article&id=76&Itemid=477) diakses pada 13 Mei 2016, Jam : 9.34 A.M.

Pengenalan Teori Komunikasi dlm

[http://www.vodppl.upm.edu.my/uploads/docs/kom3207\\_1309755953.pdf](http://www.vodppl.upm.edu.my/uploads/docs/kom3207_1309755953.pdf) diakses pada 02 March 2016. Jam 01.54 PM.

Rosmawati. (2011). *Penentuan Saiz Sampel*.

<https://rosma212.wordpress.com/2011/12/17/penentuan-saiz-sampel/>  
Diakses pada 23 Mei 2016.

Tragedi 10 Mac 2014 Kapal Terbang MH370 Hari Ketiga.

<https://www.youtube.com/watch?v=uUIfYYQEuN4> . Diakses pada 2 Jun 2016. Jam 03.56 PM.